

## **KAJIAN PENGHARGAAN KENDIRI DAN KEPUASAN HIDUP PELAJAR (A STUDY OF STUDENTS' SELF ESTEEM AND LIFE SATISFACTION)**

Mohd Fairuz Jafar  
Shahizan Hasan

*Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan,  
Universiti Sains Malaysia*

### **ABSTRACT**

*The purpose of this research is to investigate the relationship between self-esteem and life satisfaction among adolescents. This study also would like to determine whether self-esteem factors namely friends, school and family are the main predictors of adolescents' life satisfaction. This research involved 316 of Form Two students from several secondary school. The data were collected using questionnaires. The research instruments used in this study is Self-Esteem Questionnaires (SEQ) and Multidimensional Students' Life Satisfaction Scale (MSLSS). This research shows that there is a moderate positive relationship between self-esteem and life satisfaction among adolescents ( $r = .505$ ). Regression analysis showed that the self-esteem factors namely friends, school and family are significant predictors of life satisfaction among adolescents. The self-esteem factor which is friends has been identified as the strongest predictor ( $\beta = .192$ ) of adolescents' life satisfaction compared to school and family.*

**Keywords:** *self-esteem, life satisfaction, students, adolescents, friends, school*

### **PENGENALAN**

Kepuasan hidup merupakan suatu aspek penting dalam kehidupan seseorang individu. Aspek ini merupakan suatu perkara penting dalam usaha untuk membentuk individu yang mempunyai kekuatan dalam membina kehidupan yang berkualiti (Ma & Huebner, 2008). Hal ini adalah selari dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang bermatlamat untuk melahirkan individu yang berilmu dan berakhlak, seimbang dan harmonis, seterusnya dapat menyumbang kepada kesejahteraan diri, kesejahteraan masyarakat dan kemakmuran negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990). Di dalam FPK ini, terangkum empat unsur utama iaitu intelek, rohani, emosi dan jasmani yang memainkan peranan yang penting bagi mewujudkan kesejahteraan sesebuah masyarakat kerana ianya berfungsi untuk membentuk anggota masyarakat yang mempunyai kewibawaan diri yang tinggi di mana aspek kepuasan hidup merupakan salah satu elemen yang terdapat di dalam aspek keharmonian diri individu (Mohd Salleh, 1996).

Bagi mencapai kepuasan hidup dalam diri seseorang individu, terdapat banyak faktor yang menyumbang ke arah itu dan salah satu unsurnya adalah aspek penghargaan sendiri (Chen, Cheung, Bond, & Leung, 2006). Penghargaan sendiri dianggap sebagai salah satu elemen penting bagi menjamin kesejahteraan hidup manusia kerana kajian lepas mendapati tahap penghargaan sendiri yang rendah menjadi penyumbang kepada tekanan hidup, tingkah laku negatif, penglibatan dalam jenayah, gangguan emosi serta boleh menjurus kepada bunuh diri (Orth, Robins, Meier, & Conger, 2016; Hawton, Saunders, & O'Connor, 2012; Sowislo & Orth, 2012; Schraml, Perski, Grossi, & Simonsson-Sarnecki Margareta, 2011; Trzesniewski et al., 2006). Huebner, (1991) merumuskan bahawa, berbagai kajian telah dilakukan oleh sarjana-sarjana di dalam bidang psikologi berkenaan aspek penghargaan sendiri tetapi kajian mereka masih kurang memfokuskan tentang hubungannya dengan kepuasan hidup terutamanya dalam kalangan remaja yang masih berada di peringkat sekolah terutama

dalam skop pelajar sekolah menengah. Keadaan ini amat relevan supaya suatu kajian dilaksanakan dalam kalangan remaja yang masih berada di peringkat sekolah menengah. Ini kerana remaja merupakan golongan yang perlu diberi perhatian serius kerana golongan ini lah yang akan mencorakkan masa depan negara (Shamsudin, 1994). Walau bagaimana pun, golongan remaja juga terdedah kepada sikap ingat mencuba sesuatu yang baharu, gagal menjaga pergaulan serta cenderung untuk terlibat dengan tingkah laku negatif. Oleh yang demikian, Shamsudin (1994) menjelaskan bahawa perubahan fizikal, kognitif dan emosi manusia adalah paling ketara di peringkat remaja kerana peringkat ini adalah fasa transisi penting di dalam kehidupan manusia. Oleh itu, kajian bagi mengenal pasti hubungan kait di antara aspek penghargaan sendiri dan aspek kepuasan hidup remaja adalah signifikan bagi menjelaskan faktor penyumbang kepada pembentukan remaja yang baik dari segi psikologinya terutama dalam aspek kepuasan hidup. Justeru, aspek pembentukan kualiti diri yang positif remaja harus diteroka supaya usaha-usaha murni dapat dilakukan bagi menyumbang kepada kesejahteraan diri remaja dan mengelakkan suasana hidup yang pincang dalam kalangan remaja yang merupakan aset penting bagi sesebuah negara (Ann, 1994). Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan meneliti dengan lebih mendalam tentang hubungan di antara penghargaan sendiri dengan kepuasan hidup dalam kalangan remaja di sekolah.

### **Kepuasan Hidup**

Menurut Pavot & Diener, (1993), kepuasan hidup merupakan satu bentuk proses penilaian dari segi kognitif di mana seseorang individu mengukur kualiti kehidupannya berdasarkan kriteria-kriteria unik yang ditentukan sendiri oleh mereka. Penilaian dari segi kognitif adalah lebih besar sumbangannya berbanding penilaian berdasarkan interpretasi emosi terhadap sesuatu perkara yang berlaku dalam kehidupan kerana seseorang individu kebiasaannya membezakan suatu standard yang mereka gunakan untuk menentukan darjah kepuasan hidup yang mereka rasai (Gilman, Huebner, & Furlong, 2009). Dalam konteks sekolah, contohnya para pelajar akan melakukan sesuatu aktiviti sekolah mengikut

minda yang positif tanpa dipengaruhi perasaan negatif. Meskipun begitu, penaksiran terhadap aspek kepuasan hidup juga dipercayai mempunyai perkaitan dengan pengalaman yang konkrit (Biswas-Diener, Vittersø, & Diener, 2005; Chen, 2003). Jadi, berdasarkan pandangan ini boleh disimpulkan bahawa bukan aspek kognitif sahaja yang diambil kira tetapi pengalaman yang berlaku di dalam kehidupan juga menjadi penyumbang kepada penilaian kepuasan hidup seseorang (Chen, 2003). Selain itu, penilaian terhadap kepuasan hidup berdasarkan domain-domain tertentu seperti hubungan dengan rakan-rakan, faktor kekeluargaan, persekolahan, persekitaran hidup dan faktor sendiri juga harus diberi perhatian untuk dikaji (Cummins, 1996).

Kajian aspek kepuasan hidup muncul berdasarkan kepada Teori Perkembangan Emosi-Fizikal Erikson kerana menurut pandangan pengkaji-pengkaji terdahulu, pada setiap tahap perkembangan, seseorang individu itu mengalami konflik yang berbeza yang pastinya akan mempengaruhi darjah kepuasan hidup individu tersebut (Mcknight, Huebner, & Suldo, 2002). Menurut Teori Perkembangan Emosi-Fizikal Erikson, terdapat lapan peringkat perkembangan manusia di mana terdapat perbezaan-perbezaan tertentu pada setiap peringkat usia manusia bermula daripada peringkat bayi hingga peringkat tua (Erikson, 1963 dalam Mok, 2008).

### **Penghargaan Kendiri**

Feshbach, Weiner, & Bohart, (1996) menjelaskan bahawa penghargaan sendiri secara asasnya adalah suatu bentuk penilaian yang bersifat nilai positif atau negatif terhadap diri sendiri bagi seseorang individu. Duffy, Shaw, Scott, & Tepper, (2006) pula memperincikan bahawa penghargaan sendiri adalah suatu penilaian peribadi terhadap diri kita sendiri dan konsep ini memberikan sesuatu yang bernilai untuk dikaitkan dengan konsep sendiri. Penghargaan sendiri menunjukkan tahap di mana seseorang individu itu merasa yakin kepada dirinya sendiri sebagai seorang individu yang bernilai, penting, boleh memberi hasil dan berharga (Muhd Mansur & Siti Nordinar, 1998). Dengan kata lain, penghargaan sendiri

merupakan penilaian individu terhadap dirinya sendiri yang diterjemahkan melalui tingkah lakunya dalam kehidupan seharian. Rosenberg, Schooler, Schoenbach, & Rosenberg, (1995) mendapati bahawa penghargaan sendiri mempunyai pengaruh yang besar terhadap tingkah laku dan penilaian tentang dirinya dan orang lain. Penilaian ini, pada pandangan Mullis & Chapman, (2000), akan mencerminkan sejauh mana seseorang individu itu mempunyai tahap penerimaan dan penolakan terhadap dirinya sendiri dan sejauh mana dia mempercayai bahawa dirinya itu berharga.

Teori penghargaan sendiri teretus berasaskan kepada Hierarki Keperluan Maslow yang telah dicetuskan oleh Abraham Maslow pada tahun 1943 dalam bukunya *A Theory of Human Motivation* yang lebih menjurus kepada keperluan asas manusia iaitu keperluan dari sudut fisiologi dan psikologi. Dalam konteks sekolah misalnya, dari segi fisiologi para pelajar memerlukan makanan asas dan dari segi psikologi, para pelajar inginkan kasih sayang daripada guru mereka. Berdasarkan kepada teori ini, keperluan asas yang tidak dipenuhi akan menghalang seseorang individu itu untuk dapat memenuhi keperluan-keperluan yang lain. Menurut Teori Maslow, terdapat lima keperluan asas manusia yang perlu dipenuhi iaitu keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan sendiri dan keperluan penyempurnaan sendiri (Mok, (2008).

### **Kajian Lepas**

Chen et al. (2006) melaporkan bahawa penghargaan sendiri dikenal pasti sebagai faktor peramal yang kuat terhadap kepuasan hidup dibandingkan dengan pembolehubah-pemboleh ubah personaliti yang lain. Pendapat oleh Chen et al. (2006) menyokong kajian yang dilakukan oleh Hong & Giannakopoulos (1994). Diener & Diener (1995) telah mengkaji hubungan penghargaan sendiri dan kepuasan hidup dalam kalangan pelajar universiti daripada 31 buah negara dan mendapati tahap hubungan di antara kedua-dua pembolehubah ini adalah pada tahap sederhana ( $r = 0.47$ ). Kajian oleh Casas et al. (2012) terhadap remaja mendapati keputusan yang sama di mana terdapat hubungan yang

positif di antara tahap kepuasan hidup dan penghargaan sendiri. Kajian oleh Casas et al. (2012) juga selari dengan dapatan kajian oleh Ullman & Tatar (2001). Walau bagaimana pun, kajian-kajian lepas tidak melaporkan sumbangan dimensi-dimensi penghargaan sendiri seperti yang disyorkan oleh Dubois, Felner, Brandy, Phillips, & Lease, (1996) iaitu aspek keluarga, aspek rakan, aspek sekolah dan persekitaran hidup terhadap aspek kepuasan hidup remaja. Dubois et al., (1996) menganggap aspek keluarga, rakan, sekolah dan persekitaran hidup adalah elemen penting yang mendukung pembentukan penghargaan sendiri remaja. Oleh yang demikian, penyelidik beranggapan bahawa kajian berkenaan aspek penghargaan sendiri remaja juga harus menjelaskan sumbangan komponen-komponen dalam konstruk penghargaan sendiri terhadap kepuasan hidup.

Dalam mengkaji hubungan di antara penghargaan sendiri dan kepuasan hidup remaja, aspek kekeluargaan merupakan salah satu komponen dalam konstruk penghargaan sendiri yang mesti diberi perhatian (Dubois et al., 1996). Kajian oleh Bumpass & Lu, (2000), struktur kekeluargaan memainkan peranan dalam menyumbang kepada kepuasan hidup dalam kalangan remaja. Remaja yang tinggal bersama ibu dan bapa menunjukkan pencapaian yang tinggi di dalam pelajaran, kurang melibatkan diri dalam gejala jenayah dan mempunyai kehidupan yang sihat (Jeynes, 2007; Brown, 2004; Demuth & Brown, 2004;). Manakala golongan kanak-kanak yang datang daripada keluarga yang berpisah mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk mempunyai sikap dan perlakuan yang negatif (Sweeney, Bracken, & College, 2009). Selain aspek kekeluargaan, aspek suasana sekolah yang merupakan salah satu dimensi dalam konstruk penghargaan sendiri juga harus dilihat peranannya terhadap kepuasan hidup remaja. Berdasarkan tinjauan terhadap 887 pelajar di Norway yang berada di antara usia 13 hingga 15 tahun menggunakan satu item yang menjadi petunjuk bagi mengkaji aspek kegembiraan mendapati terdapat hubungan di antara suasana di sekolah dengan kegembiraan mereka (Natvig, Albrektsen, & Qvarnstrom, 2003). Perasaan gembira di sekolah mempunyai hubungan yang positif

dengan rasa gembira bagi diri mereka. Bagi Hoge, Smit, & Hanson, (1990), suasana persekitaran sekolah, pengajaran di dalam bilik darjah dan pencapaian akademik adalah menjadi penyumbang yang signifikan terhadap tahap penghargaan sendiri pelajar. Faktor disiplin diri ketika berada di sekolah juga memberi kesan terhadap penghargaan sendiri pelajar. Kajian yang dijalankan oleh Baker, (1998) juga menunjukkan bahawa kepuasan semasa berada di sekolah juga menjadi faktor penyumbang kepada kepuasan hidup pelajar yang terdiri daripada golongan remaja.

Walaupun aspek kekeluargaan dan persekitaran sekolah pernah dibincangkan sebagai salah satu elemen penting yang mempunyai hubungan dengan kepuasan hidup remaja, namun aspek persekitaran tempat tinggal seperti pengalaman bersama orang-orang di kejiranan juga memainkan peranan Dubois et al., (1996). Aspek persekitaran bersama jiran-jiran dianggap penting oleh Dubois et al., (1996) sebagai salah satu dimensi dalam konstruk penghargaan sendiri. Selain pandangan Dubois et al., (1996), kajian Darling, Nancy, Caldwell, Linda, Smith, (2005) dan Gilman, (2001) berkenaan faktor persekitaran seperti pengalaman bersama jiran-jiran dan penglibatan di dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum adalah penyumbang yang signifikan kepada kepuasan hidup remaja. Namun begitu, dalam kajian yang lain didapati bahawa penyumbang yang lebih kuat kepada kepuasan hidup dalam kalangan remaja adalah penglibatan ibu bapa dan rakan-rakan (Nickerson & Nagle, 2005). Selain daripada ibu bapa, golongan remaja lebih cenderung untuk mempunyai hubungan yang lebih erat bersama rakan-rakan mereka dan hal ini menjadi faktor secara langsung bahawa hubungan bersama rakan-rakan memberi kesan terhadap kepuasan hidup remaja. Dimensi rakan dalam konstruk penghargaan sendiri dianggap penting oleh Dubois et al., (1996) kerana corak kehidupan remaja amat sinonim dengan pergaulan bersama rakan-rakan sama ada di sekolah atau di persekitaran tempat tinggal. Kajian lepas juga mendapati aspek rakan-rakan mempunyai hubungan secara langsung terhadap perkembangan kanak-kanak dan remaja yang meliputi aspek seperti penghargaan sendiri, konsep sendiri,

sosialisasi bahkan memberi sumbangan terhadap pencapaian akademik (Cambron, Acitelli, & Steinberg, 2010). Hubungan bersama rakan-rakan yang berlaku dalam konteks kanak-kanak dan remaja boleh terjadi disebabkan interaksi yang berlaku di dalam dan di luar rumah seperti di tempat asuhan kanak-kanak, kawasan permainan, sekolah dan persekitaran kejiranan dan berdasarkan kajian lepas, 30% interaksi sosial di dalam kehidupan kanak-kanak dan remaja berlaku disebabkan hubungan bersama rakan-rakan (Rubin, Bukowski, Parker, 2006). Zaratany, Hartmann, & Rankin, (1990) menjelaskan lagi bahawa hubungan kanak-kanak dan remaja bersama rakan-rakan mereka boleh juga berlaku melalui interaksi elektronik seperti melalui interaksi maya.

### **Objektif Kajian**

1. Mengetahui pasti hubungan di antara penghargaan sendiri dan kepuasan hidup dalam kalangan remaja di sekolah menengah.
2. Mengetahui pasti sama ada dimensi dalam konstruk penghargaan sendiri iaitu rakan, sekolah dan keluarga merupakan peramal kepada kepuasan hidup dalam kalangan remaja.

### **METOD**

Reka bentuk kajian yang dipilih adalah dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Kajian korelasi digunakan untuk menghuraikan hubungan di antara pemboleh ubah (Creswell, 2014). Pemilihan sampel untuk mewakili populasi menggunakan panduan daripada jadual pemilihan sampel Krejcie & Morgan, (1970). 316 orang responden sebagai sampel bagi mewakili populasi yang diukur iaitu golongan remaja berusia 14 tahun yang sedang berada dalam Tingkatan Dua di sekolah menengah. Kajian yang dijalankan melibatkan penggunaan dua jenis alat ukur iaitu Soal Selidik Penghargaan Kendiri SEQ (Dubois et al., 1996) dan Soal Selidik Skala Kepuasan Hidup Pelajar Pelbagai Dimensi Huebner versi 2001 (MSLSS). Kedua-dua soal selidik ini dialih bahasa daripada Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Malaysia melalui kaedah terjemahan berbalik. Kesahan kandungan item-item dalam soal selidik ini diperoleh melalui

penelitian oleh tujuh orang pakar dalam bidang psikologi. Kesahan kandungan diukur melalui nilai yang diperolehi melalui *Content Validity Index* (CVI) iaitu bagi penilaian oleh 7 orang pakar, *cut off point* bagi item-item dalam soal selidik diterima adalah 0.76 (Lynn, 1986). Penyelidik mendapati nilai bagi setiap item dalam analisis CVI adalah melebihi *cut off point* yang ditetapkan. Bagi menentukan ketekalan alat ukur ini, penyelidik telah melaksanakan kajian rintis terlebih dahulu dan memperoleh nilai Cronbach bagi SEQ adalah .83 dan MSLSS adalah .86. Data yang diperolehi daripada kajian rintis ini telah dianalisis dengan menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics*.

**KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

Berdasarkan dapatan analisis statistik yang telah dijalankan, kajian ini mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang sederhana di antara penghargaan sendiri dengan kepuasan hidup dalam kalangan remaja iaitu  $r = .505$ ,  $p < .01$  dengan nilai min ialah bagi konstruk penghargaan sendiri ialah 2.99 dan sisihan piawai ialah 0.245 manakala nilai min bagi konstruk kepuasan hidup remaja ialah 2.78 dan sisihan piawai ialah 0.288. Dapatan ujian korelasi ini adalah selari dengan dapatan terdahulu bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara penghargaan sendiri dengan kepuasan hidup dalam kalangan remaja (Casas et al., 2012; Zhang & Leung,

2002; Ullman & Tatar, 2001). Dapatan daripada analisis korelasi yang dijalankan ini melambangkan tahap penghargaan sendiri yang meningkat akan meningkatkan tahap kepuasan hidup remaja dan apabila tahap penghargaan sendiri rendah, tahap kepuasan hidup remaja juga akan menurun. Oleh yang demikian, penyelidik berpandangan bahawa aspek penghargaan sendiri perlu diberi perhatian serius dalam proses pendidikan. Program-program yang dirancang di dalam bilik darjah atau luar bilik darjah harus mempunyai unsur-unsur bagi meningkatkan tahap penghargaan sendiri pelajar sekolah yang terdiri daripada golongan remaja. Proses mengukuhkan penghargaan sendiri remaja pastinya mempunyai kesan langsung ke arah usaha melahirkan remaja yang berkualiti dan bersahsiah tinggi apabila mereka mengalami kepuasan dalam kehidupan mereka. Namun begitu, dimensi-dimensi yang menyokong peningkatan penghargaan sendiri remaja harus diselidik bagi memberi gambaran yang lebih jelas tentang sumbangan aspek penghargaan sendiri terhadap kepuasan hidup remaja.

Merujuk kepada dapatan kajian hasil analisis statistik ujian regresi yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa faktor penghargaan sendiri rakan, sekolah dan keluarga adalah peramal yang signifikan kepada kepuasan hidup remaja ( $R^2 = .187$ ,  $F(3,312) = 23.883$ ,  $p < .05$ ).

**Jadual 1.** Dapatan analisis regresi linear faktor-faktor penghargaan sendiri terhadap kepuasan hidup

Model	Beta Tak Terpiawai	Beta Terpiawai	t	Signifikan bagi t
Konstan	1.421		8.101	.000
Rakan	.192	.251	4.132	.000
Sekolah	.130	.160	2.714	.007
Keluarga	.140	.139	2.489	.013
$R^2 = .187$		<i>Adjusted R = .179</i>		
$F(3, 312) = 23.883$		$p = .000$		

Secara keseluruhan, aspek penghargaan sendiri didapati menyumbang sebanyak 0.187 varian terhadap kepuasan hidup dalam kalangan remaja. Manakala dimensi-dimensi dalam konstruk penghargaan sendiri iaitu rakan, sekolah dan keluarga masing-masing menyumbang sebanyak 0.19, 0.13 dan 0.14

varian terhadap aspek kepuasan hidup dalam kalangan remaja. Walaupun dapatan ini selari dengan dapatan kajian lepas bahawa aspek keluarga dan rakan-rakan menjadi peramal terhadap kepuasan hidup remaja (Smith & Brownel, 2003; Nikerson & Nagle, 2005), namun dapatan daripada kajian yang

dilaksanakan oleh penyelidik menunjukkan sumbangan konstruk penghargaan sendiri secara keseluruhan adalah rendah terhadap kepuasan hidup remaja merujuk kepada nilai  $R^2$  yang diperoleh hanya 0.187. Analisis terhadap dimensi-dimensi di dalam konstruk penghargaan sendiri mendapati, dimensi penghargaan sendiri iaitu rakan menjadi penyumbang yang lebih kuat terhadap aspek kepuasan hidup jika dibandingkan dengan faktor penghargaan sendiri keluarga dan sekolah. Penyelidik beranggapan bahawa para remaja menganggap rakan-rakan sebagai orang yang penting dalam hidup mereka. Malah rakan dianggap satu entiti penting yang mempengaruhi tingkah laku remaja dalam proses perkembangan diri yang sedang rancang pada usia mereka (Steinberg, 2008). Selain itu, Aikins, Bierman, & Parker, (2005) pula menyatakan bahawa faktor rakan menjadi penyumbang yang kuat disebabkan, majoriti remaja lebih memfokuskan kepada hubungan bersama rakan-rakan bagi memperoleh sokongan moral yang tinggi dan mewujudkan hubungan persahabatan yang kuat di antara mereka. Menurut Wentzel, (2009), hubungan bersama rakan-rakan yang kuat menjadikan seseorang remaja itu mendapat hubungan sosial yang kukuh dan memperolehi sokongan emosi yang tinggi untuk mereka menghadapi cabaran dalam proses perkembangan mereka. Keadaan ini memberi sumbangan penting kepada penghargaan sendiri dan kepuasan hidup remaja apabila rakan-rakan yang mereka anggap penting dalam hubungan sosial dapat memenuhi keperluan mereka seperti menjadi tempah mereka berkongsi masalah atau meraikan sesuatu kejayaan.

Dimensi penghargaan sendiri iaitu rakan yang menjadi penyumbang yang paling dominan kepada kepuasan hidup boleh dihubungkan dengan teori lekatan (*attachment theory*). Teori lekatan menggambarkan tentang hubungan di antara manusia. Menurut Bretherton, (1992) teori ini dipelopori oleh Ainsworth (1960) ini menyatakan bahawa pada peringkat kanak-kanak, seseorang individu itu lebih rapat bersama keluarga terutama ibu bapa yang bertindak sebagai dunia sosial mereka. Tetapi, apabila seseorang individu itu mengalami perubahan dari alam kanak-kanak kepada alam remaja, seseorang individu itu lebih

rapat dengan rakan-rakan mereka dan seterusnya mewujudkan suatu hubungan persahabatan yang kuat. Pada tahap ini, remaja menganggap bahawa pandangan dari rakan-rakan mereka adalah lebih penting berbanding ahli keluarga. Berdasarkan teori lekatan ini, walaupun pada peringkat remaja hubungan dengan rakan menjadi lebih istimewa bagi mereka, tetapi ibu bapa tetap menjadi *attachment figures* bagi mereka (Kerns, 2008). Berdasarkan teori lekatan ini, Ma dan Huebner (1998) juga menegaskan bahawa hubungan bersama rakan-rakan menjadi faktor penting dalam menentukan kepuasan hidup dalam kalangan remaja.

Walaupun kajian ini membuktikan bahawa dimensi rakan menjadi penyumbang yang lebih dominan kepada kepuasan hidup, namun dimensi keluarga dan sekolah juga memainkan peranan yang penting dalam membentuk remaja yang mempunyai tahap kepuasan hidup yang tinggi. Hal ini adalah disokong dengan pandangan Suldo & Huebner, (2006) bahawa sokongan ibu bapa terhadap anak-anak remaja juga menyumbang kepada tahap kepuasan hidup yang tinggi. Ash & Huebner, (2001) berpendapat, berdasarkan kajian mereka, golongan remaja mempunyai tahap kepuasan hidup yang rendah sekiranya mereka mempunyai pengalaman buruk bersama keluarga. Oleh yang demikian, penyelidik berpandangan bahawa ibu, bapa serta saudara-mara yang tinggal bersama dengan remaja memainkan peranan besar dalam meningkatkan penghargaan sendiri remaja dan tahap kepuasan hidup mereka. Remaja yang diberi kasih sayang yang cukup oleh ahli keluarga pasti merasakan dirinya mendapat perhatian. Proses ini akan menjadikan remaja merasakan bahawa mereka harus menghargai diri mereka yang disayangi oleh orang lain yang berada di sekitar mereka terutama ahli keluarga sendiri. Keadaan ini pasti mewujudkan kepuasan dalam diri mereka.

Faktor sekolah juga harus diberi perhatian kerana faktor ini menjadi unsur penyumbang kepada kepuasan hidup remaja berdasarkan analisis yang telah dijalankan. Pembelajaran di sekolah seharusnya menjadi unsur penting untuk melahirkan golongan remaja yang sejahtera. Guru-guru memainkan peranan penting bagi mencorakkan gaya pengajaran

yang dapat meningkatkan penghargaan sendiri remaja semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Pujian dan sokongan daripada guru apabila seseorang pelajar mendapat sesuatu kejayaan menjadi unsur penting untuk meningkatkan penghargaan sendiri mereka. Malah, sokongan yang tinggi dan komitmen kerja guru yang tinggi bagi membantu pelajar yang mengalami kegagalan dalam pelajaran juga berupaya meningkatkan penghargaan sendiri mereka. Pelajar yang cemerlang atau yang gagal apabila mendapat sokongan berterusan daripada guru-guru dan pihak pentadbir sekolah akan merasakan diri mereka sangat dihargai. Keadaan ini akan menimbulkan kesedaran dalam diri mereka untuk terus mengukir kejayaan di dalam sesuatu bidang atau bangun semula daripada kegagalan. Sokongan yang diperoleh pastinya dapat menyumbang kepada kepuasan hidup mereka.

### Cadangan

Kajian ini hanya melihat perkaitan di antara dua aspek iaitu aspek penghargaan sendiri dan aspek kepuasan hidup dalam kalangan remaja. Malah kajian ini hanya melibatkan golongan remaja yang terdiri daripada pelajar sekolah yang berusia empat belas tahun. Kajian ini juga tidak mengambil kira keadaan sosioekonomi dan persekitaran hidup remaja. Penyelidik mencadangkan supaya kajian lanjutan dilaksanakan dengan mengambil kira aspek-aspek lain selain daripada aspek penghargaan sendiri terhadap kepuasan hidup remaja. Selain itu kaedah analisis statistik yang lebih jitu boleh digunakan dalam kajian lanjutan seperti penggunaan analisis model persamaan struktur atau *structural equation modelling* bagi melihat dengan lebih mendalam berkenaan aspek-aspek yang mungkin menyumbang kepada kepuasan hidup remaja.

### RUJUKAN

Aikins, J. W., Bierman, K. L., & Parker, J. G. (2005). Navigating the transition to junior high school: The influence of pre-transition friendship and self-system characteristics. *Social Development, 14*(1), 42–60.

- <http://doi.org/10.1111/j.1467-9507.2005.00290.x>
- Ann Wan Seng. (1994). *Kerenah Remaja Hari Ini*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ash, C., & Huebner, E. S. (2001). Environmental Events and Life Satisfaction Reports of Adolescents: A Test of Cognitive Mediation. *School Psychology International, 22*(3), 320–336. <http://doi.org/10.1177/0143034301223008>
- Baker, J. (1998). The Social Context of School Satisfaction among Urban, Low-Income, African-American Students 1. *School Psychology Quarterly, 10*(3), 066x.44.4.709. <http://doi.org/10.1037/0003-066x.44.4.709>
- Biswas-Diener, R., Vitterso, J., & Diener, E. (2005). Most people are pretty happy, but there is cultural variation: The Inughuit, the Amish, and the Maasai. *Journal of Happiness Studies, 6*(3), 205–226. <http://doi.org/10.1007/s10902-005-5683-8>
- Bretherton, I. (1992). The origins of attachment theory: John Bowlby and Mary Ainsworth. *Developmental Psychology, 28*(5), 759–775. <http://doi.org/10.1037/0012-1649.28.5.759>
- Brown, S. L. (2004). Family structure and child well-being: The significance of parental cohabitation. *Journal of Marriage and Family, 66*(2), 351–367. <http://doi.org/10.1111/j.1741-3737.2004.00025.x>
- Bumpass, L., & Lu, H.-H. (2000). Trends in Cohabitation and Implications for Children's Family Contexts in the United States. *Population Studies, 54*(1), 29–41. <http://doi.org/10.1080/713779060>
- Cambon, M. J., Acitelli, L. K., & Steinberg, L. (2010). When friends make you blue: the role of friendship contingent self-esteem in predicting self-esteem and depressive symptoms. *Personality & Social Psychology Bulletin, 36*(3), 384–97. <http://doi.org/10.1177/0146167209351593>
- Casas, F., Sarriera, J. C., Alfaro, J., González, M., Malo, S., Bertran, I., Valdenegro, B. (2012). Testing the Personal Wellbe-

- ing Index on 12-16 Year-Old Adolescents in 3 Different Countries with 2 New Items. *Social Indicators Research*, 105(3), 461–482. <http://doi.org/10.1007/s11205-011-9781-1>
- Chen, C. (2003). Revisiting the disengagement theory with differentials in the determinants of life satisfaction. *Social Indicators Research*, 64(2), 209–224. <http://doi.org/10.1023/A:1024718321860>
- Chen, S. X., Cheung, F. M., Bond, M. H., & Leung, J. P. (2006). Going beyond self-esteem to predict life satisfaction: The Chinese case. *Asian Journal of Social Psychology*, 9, 24–35 <http://doi.org/10.1111/j.1467-839X.2006.00182.x>
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Research design qualitative quantitative and mixed methods approaches (4th ed.). London: Sage Publication. <http://doi.org/10.1007/s13398-014-0173-7.2>
- Cummins, R. a. (1996). The domains of life satisfaction: an attempt to order chaos. *Social Indicators Research*, 38, 303–328. <http://doi.org/10.1007/BF00292050>
- Darling, Nancy; Caldwell, Linda L; Smith, R. (2005). Participation in School-Based Extracurricular Activities and Adolescent Adjustment - ProQuest. *Journal of Leisure Research*, 37(1), 51–76. <http://doi.org/10.1037/0022-0663.91.2.369>
- Demuth, S., & Brown, S. L. (2004). Family Structure, Family Processes, and Adolescent Delinquency: The Significance of Parental Absence Versus Parental Gender. *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 41(1), 58–81. <http://doi.org/10.1177/0022427803256236>
- Diener, E. D., & Diener, C. (1995). The wealth of nations revisited: Income and quality of life. *Social Indicators Research*, 36(3), 275–286. <http://doi.org/10.1007/BF01078817>
- Dubois, D. L., Felner, R. D., Brandy, S., Phillips, R. S. C., & Lease, A. M. (1996). Early Adolescent Self-Esteem: A Developmental-Ecological Framework and Assessment Strategy. *Journal of Research on Adolescence*, 6(4), 543–579.
- Duffy, M. K., Shaw, J. D., Scott, K. L., & Tepper, B. J. (2006). The moderating roles of self-esteem and neuroticism in the relationship between group and individual undermining behavior. *Journal of Applied Psychology*, 91(5), 1066–1077. <http://doi.org/10.1037/0021-9010.91.5.1066>
- Feshbach, S., Weiner, B., & Bohart, A. C. (1996). *Personality* (4th ed.). Toronto: D.C. Heath.
- Gilman, R. (2001). The relationship between life satisfaction, social interest, and frequency of extracurricular activities among adolescent students. *Journal of Youth and Adolescence*, 30(6), 749–767. <http://doi.org/10.1023/A:1012285729701>
- Gilman, R., Huebner, E. S., & Furlong, M. J. (2009). *Handbook of positive psychology in schools. Handbook of positive psychology in schools*. <http://doi.org/10.1007/s13398-014-0173-7.2>
- Hawton, K., Saunders, K. E. A., & O'Connor, R. C. (2012). Self-harm and suicide in adolescents. *The Lancet*. [http://doi.org/10.1016/S0140-6736\(12\)60322-5](http://doi.org/10.1016/S0140-6736(12)60322-5)
- Hoge, D. R., Smit, E. K., & Hanson, S. L. (1990). School experiences predicting changes in self-esteem of sixth- and seventh-grade students. *Journal of Educational Psychology*, 82(1), 117–127. <http://doi.org/10.1037/0022-0663.82.1.117>
- Hong, S. M., & Giannakopoulos, E. (1994). The relationship of satisfaction with life to personality characteristics. *The Journal of Psychology*, 128(5), 547–558. <http://doi.org/10.1080/00223980.1994.9914912>
- Huebner, E. S. (1991). Correlates of life satisfaction in children. *School Psychology Quarterly*, 6(2), 103–111. <http://doi.org/10.1037/h0088805>
- Jeynes, W. H. (2007). The Relationship Between Parental Involvement and Urban Secondary School Student Academic



- Achievement: A Meta-Analysis. *Urban Education*, 42(1), 82–110. <http://doi.org/10.1177/0042085906293818>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1990). *Huraian Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kerns, K. A. (2008). Attachment in middle childhood. *Handbook of Attachment: Theory, Research, and Clinical Applications (2nd Ed.)*, 366–382.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Education and Psychological Measurement*, 30, 607–610. <http://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Lynn, M. R. (1986). Determination and Quantification of Content Validity. *Nursing Research*. <http://doi.org/10.1097/00006199-198611000-00017>
- Ma, C. Q., & Huebner, E. S. (2008). Attachment relationships and adolescents' life satisfaction: Some relationships matter more to girls than boys. *Psychology in the Schools*, 45(2), 177–190. <http://doi.org/10.1002/pits.20288>
- Mcknight, C. G., Huebner, E. S., & Suldo, S. (2002). Relationships among stressful life events, temperament, problem behavior, and global life satisfaction in adolescents. *Psychology in the Schools*. <http://doi.org/10.1002/pits.10062>
- Mohd Salleh Lebar. (1996). *Perkembangan dan Haluan Kurikulum Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang. (2008). *Psikologi Pendidikan untuk Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Muhd Mansur Abdullah, & Siti Nordinar Tamim. (1998). *Psikologi Remaja*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Mullis, R. L., & Chapman, P. (2000). Age, gender, and self-esteem differences in adolescent coping styles. *The Journal of Social Psychology*. <http://doi.org/10.1080/00224540009600494>
- Natvig, G. K., Albrektsen, G., & Qvarnstrom, U. (2003). Associations between psychosocial factors and happiness among school adolescents. *International Journal of Nursing Practice*, 9(3), 166–175. <http://doi.org/10.1046/j.1440-172X.2003.00419.x>
- Nickerson, A. B., & Nagle, R. J. (2005). Parent and Peer Attachment in Late Childhood and Early Adolescence. *The Journal of Early Adolescence*, 25(2), 223–249. <http://doi.org/10.1177/0272431604274174>
- Orth, U., Robins, R. W., Meier, L. L., & Conger, R. D. (2016). Refining the Vulnerability Model of Low Self-Esteem and Depression: Disentangling the Effects of Genuine Self-Esteem and Narcissism. *Journal of Personality and Social Psychology*, 110(1), 133–149. <http://doi.org/10.1037/pspp0000038>
- Pavot, W., & Diener, E. (1993). Review of the Satisfaction with Life Scale. *Psychological Assessment*, 5(June), 164–172. <http://doi.org/10.1037/1040-3590.5.2.164>
- Rosenberg, M., Schooler, C., Schoenbach, C., & Rosenberg, F. (1995). Global Self-Esteem and Specific Self-Esteem: Different Concepts, Different Outcomes. *Source American Sociological Review*, 60(1), 141–156. <http://doi.org/10.2307/2096350>
- Rubin, KH; Bukowski W; Parker, J. (2006). Peer interactions, relationships, and groups. *Handbook of Child*, (January), 571–645. <http://doi.org/10.1002/jor.22544>
- Schraml, K., Perski, A., Grossi, G., & Simonsson-Sarnecki Margareta, M. (2011). Stress symptoms among adolescents: The role of subjective psychosocial conditions, lifestyle, and self-esteem. *Journal of Adolescence*, 34(5), 987–996. <http://doi.org/10.1016/j.adolescence.2010.11.010>
- Shamsudin A. Rahim. (1994). *Tingkah Laku Lepak Di Kalangan Remaja*. Kuala Lumpur: Kementerian Belia dan Sukan.
- Sowislo, J. F., & Orth, U. (2012). Does Low Self-Esteem Predict Depression and Anxiety? A Meta-Analysis of Longitudinal Studies. *Psychological Bulletin*, 139(1), 213–240. <http://doi.org/10.1037/a0028931>

- Steinberg, L. (2008). A social neuroscience perspective on adolescent risk-taking. *Developmental Review*, 28(1), 78–106. <http://doi.org/10.1016/j.dr.2007.08.002>
- Suldo, S. M., Huebner, E. S., SM, S., & ES, H. (2006). Is Extremely High Life Satisfaction during Adolescence Advantageous? *Social Indicators Research*, 78(2), 179–203. <http://doi.org/10.2307/27522605>
- Sweeney, R. B., Bracken, B. A., & College, T. (2009). Influence of Family Structure on Children's Self-Concept Development. *Canadian Journal of School Psychology*, 16(1), 39–52. <http://doi.org/10.1177/082957350001600103>
- Trzesniewski, K. H., Donnellan, M. B., Moffitt, T. E., Robins, R. W., Poulton, R., & Caspi, A. (2006). Low self-esteem during adolescence predicts poor health, criminal behavior, and limited economic prospects during adulthood. *Developmental Psychology*, 42(2), 381–90. <http://doi.org/10.1037/0012-1649.42.2.381>
- Ullman, C., & Tatar, M. (2001). Psychological adjustment among Israeli adolescent immigrants: A report on life satisfaction, self-concept, and self-esteem. *Journal of Youth and Adolescence*, 30(4), 449–463. <http://doi.org/10.1023/A:1010445200081>
- Wentzel, K. R. (2009). Peers and academic functioning at school. In *Handbook of peer interactions, relationships, and groups* (pp. 531–547).
- Zarbatany, L., Hartmann, D. P., & Rankin, D. B. (1990). The psychological functions of preadolescent peer activities. *Child Development*, 61(4), 1067–1080. <http://doi.org/http://dx.doi.org/10.2307/1130876>
- Zhang, L., & Leung, J.-P. (2002). Moderating effects of gender and age on the relationship between self-esteem and life satisfaction in mainland Chinese. *International Journal of Psychology*, 37(2), 83–91. <http://doi.org/http://dx.doi.org/10.1080/00207560143000252>